



فَجَابَتْ سَيِّئًا وَسَمًّا كَرَامًا فِي بَرِّ قَارِ الرِّضْوَانِ
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,
PERAK DARUL RIDZUAN,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
ARAS 3, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH.



Telefon : 05-2095000
Faks : 05-2413687
Portal : www.perak.gov.my

Ruj. Kami : SUK.Pk.(PSM)
600-2/21/14 (4)

SENARAI EDARAN

Tarikh : 24 Zulhijjah 1447
11 Jun 2026

YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ YAA. Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN URUSAN PEMBERIAN HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA) PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA DI BAWAH PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (PPSM) PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pentadbiran ini akan melaksanakan urusan pemberian Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) bagi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di bawah Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Pelaksanaan diperincikan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.5.1.4 : Pemberian Hadiah Pengiktirafan Akademik berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026. Pemberian HPA ini tertakluk kepada kelayakan pegawai seperti berikut :

- 2.1 lantikan tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 2.2 pegawai berada dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA); dan
- 2.3 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

3. Sehubungan itu, kerjasama YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ YAA. Dato'/ Tuan/ Puan dimohon untuk memaklumkan kepada pegawai-pegawai yang berkelayakan untuk dipertimbangkan dengan **memenuhi syarat-syarat** yang ditetapkan seperti berikut :

- 3.1 memperolehi kelayakan akademik yang lebih tinggi berbanding kelayakan akademik pegawai ketika dilantik secara tetap ke skim perkhidmatan semasa;

"PERAK SEJAHTERA 2030"



CERTIFIED TO
ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO. : ISMS 00348

CERTIFIED TO
ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 03708

- 3.2 memulakan dan menamatkan pengajian bagi kelayakan akademik yang lebih tinggi semasa dalam lantikan tetap;
 - 3.3 kelayakan akademik yang lebih tinggi itu hendaklah diiktiraf oleh kerajaan;
 - 3.4 yuran pengajian atas pembiayaan sendiri oleh pegawai;
 - 3.5 markah prestasi bagi tahun penilaian (tahun 2025) hendaklah sekurang-kurangnya 85%;
 - 3.6 lulus tapisan tatatertib bagi tahun penilaian;
 - 3.7 bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar;
 - 3.8 hanya sekali sepanjang tempoh perkhidmatan; dan
 - 3.9 diperaku oleh Ketua Jabatan.
4. Pegawai yang memenuhi syarat-syarat sebagaimana di para 3 hendaklah mengemukakan permohonan dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:
- 4.1 membuat permohonan HPA dengan mengisi Borang UP.5.1.3 (A1);
 - 4.2 sertakan salinan skrol peringkat akademik yang dimohon;
 - 4.3 sertakan salinan transkrip peringkat akademik yang dimohon;
 - 4.4 pengesahan kelayakan akademik yang diiktiraf kerajaan (selain program Institusi Pendidikan Tinggi Awam);
 - 4.5 Lampiran A : Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/ Tabung Pendidikan;
 - 4.6 salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tahun penilaian (tahun 2025) yang telah disahkan
 - 4.7 salinan buku rekod perkhidmatan yang terkini dan disahkan. (hanya muka surat tarikh lantikan, tarikh pengesahan lantikan, tarikh pengesahan dalam perkhidmatan, tarikh kenaikan pangkat di gred semasa dan maklumat Tatatertib)

...3/-

5. Kerjasama pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ YAA. Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk mengemukakan dokumen lengkap bagi setiap permohonan kepada Pentadbiran ini **sebelum atau pada 15 Julai 2026 (Rabu)** di alamat:-

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
E-3-2 Menara SSI SOHO Ipoh 2 (Aras 3),
Jalan Sultan Idris Shah,
30000 Ipoh.

6. Sukacita diingatkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ YAA. Dato'/ Tuan/ Puan untuk memastikan hanya permohonan daripada **pegawai yang memenuhi syarat sahaja dan berada di bawah Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak** dikemukakan ke pentadbiran ini. UPSM Jabatan/ Agensi juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sekiranya terdapat pemalsuan dokumen atau maklumat, pegawai boleh dikenakan tatatertib. Permohonan yang menggunakan borang selain borang yang telah ditetapkan, tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses. Pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ YAA. Dato'/ Tuan/ Puan juga perlu memaklumkan sekiranya calon di dalam **prosiding tindakan tatatertib**.

7. Dimaklumkan juga bahawa surat edaran dengan urusan ini boleh didapati melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak di alamat <https://www.perak.gov.my>. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

Puan Nursuhaili binti Shahrudin - 05-2095346
(nursuhaili@perak.gov.my)

Cik Norlela binti Omar - 05-2095346
(norlela@perak.gov.my)

8. Pelaksanaan bagi tahun 2027 dan seterusnya akan dimaklumkan melalui Surat Edaran yang berasingan. Ketua Jabatan hendaklah memastikan urusan pemberian HPA ini dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.


...4/-

9. Kerjasama pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ YAA. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(**MOHD AZRAIE BIN HARUN**)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Salinan Kepada :

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Bahagian Korporat
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

- Mohon dimasukkan ke dalam
hebahan Portal Perak

"PERAK SEJAHTERA 2030"

SENARAI EDARAN

Edaran Dalaman

1. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)/ Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak
2. Timbalan Pengarah Kanan (Kerajaan Tempatan) Unit Perancang Ekonomi Negeri
3. Setiausaha Bahagian Bahagian Digital
4. Setiausaha Sulit Kanan Kepada YAB Menteri Besar
5. Setiausaha Bahagian Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan
6. Setiausaha Bahagian Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Ketua Audit Dalam Unit Audit Dalam
8. Pengarah Majlis Sukan Negeri Perak
9. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Perkhidmatan) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
10. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Korporat
11. Ketua Unit Integriti Unit Integriti
12. Pengarah Lembaga Muzium Darul Ridzuan

Jabatan Negeri

1. Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak Darul Ridzuan
2. Mufti Kerajaan Negeri Jabatan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan
3. Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak Darul Ridzuan

"PERAK SEJAHTERA 2030"

4. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan
5. Pengarah
Jabatan Agama Islam Negeri
Perak Darul Ridzuan
6. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Perak Darul Ridzuan
7. Dato' Pengelola Bijaya Diraja
Pejabat D.Y.M.M Sultan Perak
Kuala Kangsar
8. Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri
Perak Darul Ridzuan

Pejabat Daerah dan Tanah

9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak
10. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Kerian
11. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama
12. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar
13. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Kinta
14. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah
15. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Manjung
16. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
17. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang
18. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Kampar

"PERAK SEJAHTERA 2030"

19. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Muallim
20. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk
21. Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Pengkalan Hulu
22. Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong
23. Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Selama
24. Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput
25. Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh
26. Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Kampung Gajah

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping
2. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
3. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Manjung
4. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Teluk Intan
5. Yang Dipertua
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
6. Yang Dipertua
Majlis Daerah Gerik
7. Yang Dipertua
Majlis Daerah Perak Tengah

"PERAK SEJAHTERA 2030"

8. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tapah
9. Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah
10. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerlan
11. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjong Malim
12. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar
13. Yang Dipertua
Majlis Daerah Lenggong
14. Yang Dipertua
Majlis Daerah Selama

"PERAK SEJAHTERA 2030"